

23/02/2001

Wanita ketinggalan jika gagal kuasai IT: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu wanita, yang merangkumi 40 peratus tenaga pekerja tempatan dan separuh daripada penduduk negara, mempelajari penggunaan pelbagai alat dan kemudahan teknologi maklumat (IT).

Perdana Menteri berkata, jika rakyat Malaysia terutama wanita tidak memberi tumpuan terhadap IT pada alaf baru ini, mereka akan ketinggalan bukan saja di dalam negara, malah di peringkat antarabangsa.

Katanya, wanita sebagai ibu juga boleh membimbing dan mendorong anak-anak ke arah penggunaan IT untuk perkembangan pengetahuan serta komunikasi.

"Melalui penggunaan IT, wanita juga boleh bekerja dari rumah sambil meluangkan masa untuk menjaga serta mendidik anak-anak," katanya ketika merasmikan Wisma Institut Pengurusan Wanita (WIM) di Taman Tun Dr Ismail dekat sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan laman web lelong-elektronik Amal WIM, <http://www.msn.com.my> yang menjual barangan sumbangan orang kenamaan kepada WIM. Antaranya tali leher milik Dr Mahathir dan beg tangan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang diautograf.

Dr Mahathir turut melancarkan program Teknologi dan Komunikasi Maklumat (ICT) peringkat kebangsaan untuk Wanita anjuran WIM. WIM adalah badan bukan kerajaan yang melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk wanita luar bandar, ibu tunggal, wanita Orang Asli dan penghuni rumah seri puteri.

Selain Dr Siti Hasmah, hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Pengerusi WIM, Datuk Napsiah Omar.

Perdana Menteri berkata, usaha yang memberi kesedaran, pendidikan dan menyalurkan maklumat serta ilmu pengetahuan dalam bidang IT harus disokong dan digalakkan.

"Kita sedar IT bukannya satu aliran saja, malah satu revolusi terbesar yang pasti membawa pengaruh yang luas terhadap komunikasi, pendidikan, perdagangan, kerjasama dan perhubungan antara kerajaan, masyarakat perdagangan serta kemajuan sains di seluruh dunia," katanya.

Program IT peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh WIM untuk wanita terutama wanita luar bandar dapat memberi pendedahan yang lebih meluas kepada wanita untuk bersama-sama mengambil bahagian.

Melalui program itu, wanita dapat memberi keseimbangan dari segi ilmu dan kemahiran yang seterusnya menyesuaikan serta mempraktikkan ilmu kemahiran yang diperolehi di tempat kerja, di rumah, ketika mendidik anak-anak dan dalam bidang perniagaan.

Dr Mahathir berkata, usaha murni seperti itu harus diteruskan oleh organisasi lain bagi melatih dan mendidik wanita. Wanita pula harus lebih terbuka, bersedia dan menggunakan peluang seperti itu sebaik-baiknya.

"Saya sentiasa memberi perhatian kepada peranan wanita supaya dapat meningkatkan taraf hidup mereka kerana saya percaya apabila wanita maju, kualiti kehidupan keluarga mereka juga akan meningkat.

"Masa sudah berubah dengan perkembangan IT. Cara pemikiran harus juga berubah. WIM telah memberi fokus kepada IT dan saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas pilihan fokus WIM," katanya.

(END)